

# BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan

**Mesra, Cepat & Tepat**

KUALITI KEUTAMAAN KAMI



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)

Majlis Bandaraya Petaling Jaya



BIL. 5/2020

• : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

: 03-7958 2695

: media@mbpj.gov.my

**PERCUMA**



Berita Penuh MS. 3

## MALAYSIA PRIHATIN : KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG SEMPENA BULAN KEBANGSAAN 2020



### PENGURUSAN TENAGA BANGUNAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Majlis akan memberi sokongan melalui pembangunan kapasiti kakitangan Majlis bagi merealisasikan aktiviti berkaitan bangunan cekap tenaga bagi bangunan baharu maupun sedia ada.

Berita Penuh MS. 2



### PROGRAM SPRING CLEANING SEMPENA HARI KEBANGSAAN

Program spring cleaning kali ini turut menerima bahan buangan bekas kotak minuman selain barang perabot dan elektronik.

Berita Penuh MS. 5

## Sidang Redaksi

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) Majlis Bandaraya Petaling Jaya [pjcitycouncil](#) [pjkitaj](#) [smartpj](#)

PENAUNG  
Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar

PENASIHAT  
Hjh. Azlinda binti Azman  
Haniza binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG  
Abdul Hakim bin Khairuddin

WARTAWAN  
Ahmad Iskandar bin Muhamad Mukhtar  
Nor Shalizawati binti Hj Baharudin  
Muhamed Azmi bin Yusoff  
Hasbullah Bin Juyahir

PEMBANTU PENERBITAN  
Nur Mazliyana Edurar binti Mazelan  
Mohammad Shah bin Badlishah

JURU GAMBAR  
Rusdi bin Mohammed Halik  
Intan Khairana binti Md. Zali  
Salimey bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK  
Badrul Hisham bin A Bakar  
Ihfaznur Ashikin binti Mohammed Arifin

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN  
HANTARKAN KEPADA  
Unit Komunikasi Korporat  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

• 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206  
• 03-7958 2695 • media@mbpj.gov.my



# PENGURUSAN TENAGA BANGUNAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN

abdul.hakim@mbpj.gov.my

Majlis melalui Jabatan Kawalan Bangunan, selaku urusetia kepada Program Tenaga Lestari ke arah bandar karbon rendah Petaling Jaya telah meneruskan agenda program tersebut dengan mengadakan Bengkel Asas dan Fasilitasi Pengurusan Tenaga Bagi Bangunan-Bangunan Majlis selama 2 hari bertempat di Bandar Utama.

Tujuan bengkel ini di adakan adalah bagi menubuhkan sebuah Jawatankuasa Teknikal yang akan diwakili oleh Jabatan-Jabatan teknikal yang berkaitan serta penetapan polisi pengurusan tenaga MBPJ dalam menerapkan kesedaran penggunaan tenaga dengan lebih cekap dan menjimatkan kos. Dalam melaksanakan pengurusan cekap tenaga yang lebih efisien dan efektif pada bangunan, Majlis bersama-sama SEDA Malaysia akan membantu dalam memberi nasihat dan panduan dalam pelaksanaan polisi pengurusan tenaga Majlis selain garis panduan berdasarkan Piawaian Malaysia (MS) 1525.

Majlis akan memberi sokongan melalui pembangunan kapasiti kakitangan Majlis bagi merealisasikan aktiviti berkaitan bangunan cekap tenaga bagi bangunan baharu maupun sedia ada bertujuan untuk memberi penurunan tenaga pada bangunan bermula dengan warga Majlis dan seterusnya kepada pemegang taruh Petaling Jaya, dalam mencapai sasaran agenda karbon rendah Bandaraya Petaling Jaya 2030.



## PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar  
Datuk Bandar  
Tel : 03-7956 3544 samb. 325

Hjh. Azlinda binti Azman  
Timbalan Datuk Bandar  
Tel : 03-7956 3544 samb. 323

TPr. Hjh. Sharipah Marhaini  
binti Syed Ali  
Timbalan Setiausaha / Pengarah,  
Jabatan Perancangan  
Pembangunan  
Tel : 03-7955 2562

Mohd Rosnani bin Hj. Hamid  
Pengarah,  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Tel : 03-7955 0819

Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah  
Pengarah,  
Jabatan Perpendahan  
Tel : 03-7955 2354

Ir. Ismail bin Shafie  
Pengarah,  
Jabatan Kejuruteraan  
Tel : 03-7958 7993

Datin Sr. Amreeta Kaur  
a/p Pretham Singh  
Pengarah,  
Jabatan Penilaian Dan  
Pengurusan Harta  
Tel : 03-7955 2428

Aznan bin Hj. Hassan  
Pengarah,  
Jabatan Pembangunan  
Kemasyarakatan  
Tel : 03-7960 3293

Hamidah binti Hj. Ariffin  
Pengarah,  
Jabatan Kawalan Bangunan  
Tel : 03-7956 3544 samb. 252

LAr. Dr. Badrulzaman bin Jaafar  
Pengarah,  
Jabatan Landskap  
Tel : 03-7804 8907 samb. 104

Mohd Fauzi bin Maarop  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan  
Tel : 03-7958 8081

Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin  
Pengarah,  
Jabatan Pelesenan  
Tel : 03-7960 4513

Mahzura binti Mohd Amin  
Penolong Pengarah Kanan,  
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan  
Dan Persekitaran  
Tel : 03-7957 5240

Lee Lih Shyan  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal  
Dan Pembersihan Awam  
Tel : 03-7954 1534

Samsul Bahari bin Nonchi  
Pengarah,  
Unit Teknologi Maklumat  
Tel : 03-7955 2553

Haniza binti Abdul Hamid  
Pengarah,  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 03-7958 1764

Hjh. Norlida binti Mohd Isa  
Pengarah,  
Unit Audit Dalam  
Tel : 03-7954 0130

Norzita binti Mokhtar  
Pengarah,  
Unit Perundangan  
Tel : 03-7957 8042

Tee Suu Fong  
Pengarah,  
Unit Pusat Setempat (OSC)  
Tel : 03-7954 1725

Sr. Jayanthi a/p Kupusamy  
Pengarah,  
Unit Pesuruhjaya Bangunan  
(COB)  
Tel : 03-7960 2055

Pejabat Cawangan  
Petaling Jaya Utara  
No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5,  
Prestij Kota Damansara,  
47310 Petaling Jaya, Selangor.  
Tel : 03-6143 5942

# MALAYSIA PRIHATIN : KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG SEMPENA BULAN KEBANGSAAN 2020

PETALING JAYA

HASBULLAH JUYAHIR

hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

Tanggal 31 Ogos pada setiap tahun merupakan tarikh keramat bagi seluruh rakyat di negara ini. Pada tarikh tersebut merupakan hari yang sangat bermakna buat seluruh rakyat Malaysia kerana pada tarikh itu seluruh rakyat Malaysia menyambut Hari Kebangsaan.

Hari Kebangsaan ini disambut secara besar-besaran sama ada di peringkat kebangsaan ataupun negeri. Perasaan betapa tingginya nilai dan erti kemerdekaan dalam kalangan mereka yang pernah berjuang untuk mencapai kemerdekaan tidak mampu diterjemahkan melalui penulisan ataupun kata-kata.

Hanya mereka yang terlibat secara langsung dalam proses kemerdekaan ini dapat merasai perasaan yang sebenarnya betapa tingginya nilai sebuah kemerdekaan yang dikecapi selama 63 tahun yang lalu.

Oleh yang demikian, adalah menjadi satu kewajipan kepada seluruh rakyat Malaysia pada hari ini untuk mempertahankan negara tercinta daripada dijajah kali kedua sama ada penjajah fizikal, minda ataupun sosial.

Penjajahan fizikal mungkin sukar untuk berlaku, namun penjajahan minda dan sosial tidak mustahil sekiranya tiada sebarang langkah proaktif yang diambil oleh rakyat di negara ini. Generasi muda terutamanya perlu dan sentiasa menjadi benteng paling utuh buat negara dalam memelihara kemerdekaan ini kerana ia bukan sesuatu perkara yang murah dan mudah untuk diperoleh dan dicapai.

Bagi pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, pada 28 Julai 2020 yang lalu telah diadakan majlis Pelancaran Hari Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Selangor bertempat di Auditorium Dewan Jubli Perak, Sultan Abdul Aziz Shah Alam. Majlis pelancaran dan kempen ini juga diadakan secara serentak seluruh Negara.

Selari dengan situasi yang melanda negara pada ketika ini, 'Malaysia Prihatin' diangkat sebagai tema Hari Kebangsaan pada tahun ini dengan membawa maksud yang cukup mendalam kepada rakyat Malaysia seiring keadaan negara yang masih berdepan dengan penularan pandemik COVID-19.

Selari dengan semangat cintakan Negara, orang ramai hendaklah mengibarkan Jalur Gemilang dengan megah kerana ini adalah panji kebanggaan kita semua. Hayati makna dan prinsip Rukun Negara sebagai pengikat perpaduan dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Marilah bersama-sama kita kibarkan Jalur Gemilang dan meraikan Hari Kebangsaan.

Pengibaran Jalur Gemilang ini juga adalah untuk menyemarakkan lagi semangat patriotisme dan rasa cinta tanpa berbelah bahagi kepada negara.



Datuk Bandar, Dato' Mohd Sayuthi Bakar bersama-sama Ahli Majlis dan pegawai MBPJ mengibarkan bendera Jalur Gemilang bersempena dengan Kempen Kibar Jalur Gemilang.

## PROGRAM SPRING CLEANING SEMPENA HARI KEBANGSAAN



PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN

abdulhakim@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya sedang menganjurkan program Spring Cleaning sempena Hari Kebangsaan pada setiap hari Sabtu dan Ahad bermula 22 Ogos 2020 hingga 13 September 2020.

Kempen yang dianjurkan ini mendapat kerjasama daripada The CAREton Project iaitu usaha sama di antara pihak Nestle Malaysia (Milo) dan Tetrapak Malaysia yang menjalankan kempen kitar semula kotak minuman. Untuk makluman, program spring cleaning kali ini turut menerima bahan buangan bekas kotak minuman selain barang perabot dan elektronik.



Datuk Bandar, Dato' Mohd Sayuthi Bakar menerima cenderahati dari CEO Nestle Malaysia (Milo).



## SALURAN WHATSAPP ADUAN MBPJ

### Panduan Pengguna



- 1) Taip ADUAN MBPJ
- 2) Tekan hantar kepada nombor : **011-1201 7914**
- 3) Pelanggan akan menerima respon secara (auto reply) dan pelanggan perlu melengkapkan butiran dan keterangan aduan seperti dibawah :

a) Nama Penuh :

b) No. Kad Pengenalan :

c) No. Tel :

d) Alamat (Pengadu) :

e) Keterangan Aduan :

f) Lokasi Aduan :

- 4) Setelah selesai melengkapkan butiran dibawah, sila taip 'TAMAT' dan hantar.
- 5) Pelanggan akan menerima respon No. Rujukan Aduan sebagai rujukan.

Butiran dan Keterangan aduan yang tidak lengkap tidak akan diterima.

Waktu urusan adalah dari jam **8.00 pagi** sehingga jam **5.00 petang** hari bekerja.

Disediakan oleh :  
Seksyen Aduan Awam, Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya



# MEMPERKASA PROFESIONALISME DAN INTEGRITI

PETALING JAYA

NORSHALIZAWATI BT HJ BAHARUDDIN

nor@mbpj.gov.my

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab, elemen integriti perlu diamalkan oleh setiap penjawat awam. Penerapan nilai-nilai integriti amat penting bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan dan pengurusan pentadbiran sentiasa menjalankan tugas dengan profesional, amanah, bertanggungjawab, berintegriti selain membina mutu kerja cemerlang yang luhur sekali gus membentuk suasana berpasukan yang membudayakan mutu kerja yang berprestasi tinggi.

Kepentingan meletakkan budaya berintegriti di tahap tertinggi bukanlah sesuatu yang baharu sebaliknya ianya perlu menjadi keutamaan dalam kegiatan sehari-hari kita. Amalan budaya kreatif dan kritis perlu digalakkan agar setiap penjawat awam boleh mempertajamkan dan mengaplikasikan kebolehan mereka mengikut bidang kepakaran masing-masing, sekali gus memperkuuh amalan budaya berintegriti.

Selain individu, organisasi juga mesti mempunyai integriti. Integriti organisasi tercermin dalam pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan atau sistem dan proses kerja serta pematuhan kepada amalan terbaik. Kod etika organisasi ditegaskan, diulangi dan dihayati oleh anggota organisasi berkenaan sehingga menjadi kebiasaan dan akhirnya menjadi budaya organisasi.

Selain daripada itu, penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam adalah bertujuan untuk menyepadukan semua pengurusan yang

berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus supaya inisiatif-inisiatif pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku dan tindakan punitif dapat dilaksanakan secara lebih fokus, efisien dan mencapai keberhasilan yang optimum.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya melalui Unit Integriti telah melaksanakan pelbagai bentuk program kesedaran termasuk bekerjasama dengan agensi-agensi luar terutamanya dengan SPRM dalam usaha membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelola dan etika organisasi. ‘Program 1 Jam Bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Di Jabatan-Jabatan MBPJ’ telah dilaksanakan bermula Mac hingga Disember 2020 adalah salah satu usaha Majlis dalam membantu mengenal pasti kelemahan struktur yang mungkin membuka peluang kepada berlakunya rasuah, menyediakan rangka kerja untuk mengenal pasti faktor risiko serta menerap elemen pencegahan rasuah dalam rangka tadbir urus yang mantap.

Secara keseluruhannya, anggota perkhidmatan awam perlu berpegang kepada prinsip, disiplin moral yang tinggi dan nilai-nilai integriti di dalam perkhidmatan awam. Perkara ini merupakan antara aspek yang penting serta menjadi kayu pengukur dalam menentukan kestabilan sistem perkhidmatan awam serta ukuran dalam menentukan kemantapan pengurusan pentadbiran sesebuah negara.






مجلس بندار اي قتالينج جايا  
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Permohonan Baru Dan Pembaharuan Dibuat secara dalam talian (online)

## JOM BAYAR LESEN 2021

#skiplinegoonline #smartpjlesen



**BAYAR**  
SMARTLESSEN  
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

**MOHON**  
[elesen.mbpj.gov.my](http://elesen.mbpj.gov.my)

**CETAK**

**PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN SECARA DALAM TALIAN TIDAK TERPAKAI BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN PUSAT KESIHATAN, HIBURAN, PUSAT SIBER, IKLAN LUARAN , PENJAJA**

Sebarang pertanyaan boleh emel ke [smartlesen@mbpj.gov.my](mailto:smartlesen@mbpj.gov.my)  
03 79604667 samb. atau  
Unit pentadbiran - 129 | Unit penjaja - ext 116/118  
Unit tred - 109/127/128/136/137/138



Bersama Hentikan Wabak Covid-19

Disediakan oleh : MUHAMED AZMI YUSOFF (azmiyusoff@mbpj.gov.my)



**Temu Bicara Bersama FOTA**

**TAMAN AMAN, 8 OGOS 2020** – Taman Aman merupakan salah satu taman rekreasi di Petaling jaya yang telah dinaik taraf untuk memenuhi permintaan tempat-tempat riadah penduduk. Ahli Majlis Zon 19, En. Farhan Haziq Mohamad telah mengadakan program temu bicara bersama badan bukan kerajaan (NGO), Friends of Taman Aman (FOTA) untuk menyampaikan informasi terkini berkenaan taman tersebut dan mendengar cadangan penduduk untuk menambah baik taman ini pada masa akan datang.



**Program Nyah Kuman dan Basmi Denggi (SEDAR)**

**PJS 1, 26 JULAI 2020** - Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir Pawan Chik telah merasmikan Program Nyah Kuman Padang Permainan dan Basmi Denggi yang berlangsung di Pangaspuri Permai, PJS 1. Program ini untuk membendung penularan pandemik Covid-19 dan demam denggi di kawasan perumahan tersebut.



**Usahasama Zon 18 dan UNISEL**

**TAMAN MEDAN, 6 OGOS 2020** – Zon 18 MBPJ dan Universiti Selangor (UNISEL) telah menjalankan kerjasama bagi pelaksanaan projek usahasama di bawah Geran Komuniti Petaling Jaya Mampan. Beberapa siri perjumpaan telah diadakan antara Ahli Majlis Zon 18, YM Pn. Raja Fairuz Raja Mazlan dan ahli akademik UNISEL untuk mendapatkan idea-idea merangka program untuk faedah masyarakat setempat.



**Projek Pemuliharaan Kg. Chempaka**

**KG. CHEMPAKA, 19 OGOS 2020** - Ahli Majlis Zon 7, En. Leong Chee Cheng bersama pegawai DUN Bandar Utama, sukarelawan dan ahli MPKK Kg. Chempaka telah menjalankan kerja-kerja pemuliharaan rumah kampung di Kg. Chempaka melalui peruntukan daripada pejabat Ahli Dewan Negeri Bandar Utama dan Geran Komuniti PJ SEED. Projek fasa pertama ini melibatkan kerja mengecat sebanyak 70 buah rumah kampung untuk meningkatkan keceriaan dan menjaga kebersihan kampung tersebut.



**Taklimat Program Tiada Keluarga Ketinggalan (TKK)**

**TAMAN MEDAN BARU, 16 OGOS 2020** - Pejabat Ahli Majlis Zon 17 dan pejabat Ahli Parlimen Petaling Jaya telah mengadakan taklimat program Tiada Keluarga Ketinggalan (TKK) iaitu sebuah program kaji selidik impak komuniti oleh Engender Consultancy. Turut hadir Ahli Parlimen Petaling Jaya, YB Pn. Maria Chin Abdullah, Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir Pawan Chik dan ketua komuniti kaum India, En. Asogan.



**Program Penerangan Undang-undang Syariah**

**TAMAN AMAN, 26 JULAI 2020** - Bertempat di Flat Sri Aman telah berlangsung program penerangan undang-undang syariah anjuran Pusat Wanita Berdaya (PWB) DUN Kg. Tunku dan Ahli Majlis Zon 19, En. Farhan Haziq Mohamad. Seramai 30 orang peserta telah mengikuti sesi penerangan ini dengan topik “Penceraihan: Apa Saya Perlu Tahu?”



**Mesyuarat MPP Zon 22 Kali Ke-4**

**KELANA JAYA, 15 OGOS 2020** - Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar telah mempengerusikan mesyuarat MPP Zon 22 kali ke-4 yang diadakan untuk membincangkan perancangan program-program yang bakal dilaksanakan MPP Zon 22. Turut berlangsung pengedaran bendera Jalur Gemilang kepada ahli mesyuarat untuk diedarkan kepada penduduk sempena sambutan Bulan Kebangsaan ke-63.

# BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan

**Mesra, Cepat & Tepat**

KUALITI KEUTAMAAN KAMI

 [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)

 Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



pjkita



smartpj

BIL. 5/2020 • ☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 ☎ : 03-7958 2695 ☎ : media@mbpj.gov.my

**PERCUMA**

## KAWALAN KESIHATAN : SITUASI KES DEMAM DENGGI DI PETALING JAYA


PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN  
abdulhakim@mbpj.gov.my

Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada Minggu Epid (ME) ke 33/2020 adalah sejumlah 3,087 kes yang dilaporkan. Laporan kes demam denggi telah menunjukkan penurunan sebanyak 41 peratus berbanding tahun 2019 sebanyak 5,221 kes.

Tiada jumlah lokality hotspot yang aktif dilaporkan sehingga ME 33 (26 Julai 2020 – 1 Ogos 2020) dan ME 34 (2 Ogos 2020 – 8 Ogos 2020) di kawasan pentadbiran MBPJ. Namun, 1 kes kematian dilaporkan.

Walau bagaimanapun, jumlah ini merupakan jumlah yang terendah berbanding 2 PBT yang lain di daerah Petaling. MBPJ merekodkan sejumlah 3,087 kes, MBSA 4,354 kes dan MBSJ 5,086 kes.



**KAWASAN WABAK DENGGI**

**MAUT**



**Jagalah Kebersihan  
Kawasan Perumahan Anda  
Kebersihan Tanggungjawab Semua  
Musnahkan Tempat-tempat Pembiasakan  
NYAMUK AEDES**

Bersama Dengan MBPJ  
Untuk Menghapuskan Nyamuk Aedes



Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran  
Tel : 03-7955 2381 / 03-7956 2939

